

SOFT LAW DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM: ANALISIS *CEASE AND DESIST* SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA PERINTAH KOMITAL

SOFT LAW IN ISLAMIC FAMILY LAW ENACTMENTS: AN ANALYSIS OF CEASE AND DESIST AS AN ALTERNATIVE TO COMMITMENT ORDERS

ⁱ*Zul-kifli Hussin, ⁱⁱShazalmi Saad, & ⁱⁱⁱNik Nabilah Nazirah Othman Khairi

^{i,iii}Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Malaysia

ⁱⁱSMK Raja Perempuan Kelsom, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Malaysia

*(Corresponding Author): zul-kifli@usas.edu.my

ABSTRAK

Kegagalan bekas suami mematuhi perintah nafkah kekal menjadi isu berlarutan dalam penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam di Malaysia, dengan kesan langsung terhadap kebajikan isteri dan anak-anak. Mekanisme sedia ada seperti perintah komital sering dianggap terlalu keras dan membawa implikasi sosial serta profesional, khususnya kepada penjawat awam. Artikel ini menganalisis keperluan instrumen *soft law* seperti notis amaran berunsur *cease and desist* sebagai pendekatan pencegahan awal dalam penguatkuasaan perintah nafkah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur bersama tiga orang peguam syarie dan sivil berpengalaman. Data dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis doktrin. Dapatan menunjukkan bahawa notis amaran daripada firma guaman syarie berpotensi mendorong pematuhan sukarela dan berfungsi sebagai bukti usaha awal sebelum tindakan undang-undang diambil. Walaupun tidak mengikat secara perundangan, pendekatan ini selari dengan *maqasid al-syariah* dan kaedah *sadd al-zara'i* yang menekankan pencegahan kemudharatan. Artikel mencadangkan penyeragaman amalan ini sebagai pelengkap kepada mekanisme penguatkuasaan sedia ada di Mahkamah Syariah.

Kata kunci: *cease and desist*, Enakmen Keluarga Islam, perintah komital, *soft law*

ABSTRACT

The failure of former husbands to comply with maintenance orders remains a persistent issue in the enforcement of Islamic family law in Malaysia, with direct consequences for the welfare of wives and children. Existing mechanisms, such as committal orders, are often perceived as overly harsh and carry social and professional implications, particularly for civil servants. This article analyses the need for soft law instruments, such as cease and desist-type warning notices, as an early preventive approach in the enforcement of maintenance orders. The study adopts a qualitative approach through semi-structured interviews with three experienced Syariah and civil lawyers. Data were analysed using thematic analysis and doctrinal analysis. The findings indicate that warning notices issued by Syariah law firms have the potential to encourage voluntary compliance and serve as evidence of preliminary efforts prior to legal action. Although not legally binding, this approach is consistent with the principles of *maqasid al-shariah* and the doctrine of *sadd al-zara'i*, which emphasise the prevention of harm. The article recommends that this practice be standardised as a complement to existing enforcement mechanisms within the Syariah Courts..

Keywords: *Cease and Desist, Islamic Family Law Enactment, Committal Order, Soft Law*

Pengenalan

Nafkah ialah kewajipan suami terhadap isteri dan anak berdasarkan kemampuan, berpunca daripada hubungan perkahwinan dan kekeluargaan, sama ada semasa perkahwinan atau selepas perceraian melalui perintah mahkamah (Wahbah Zuhaili, 2020). Enakmen Keluarga Islam di Malaysia mewajibkan nafkah tanpa mengambil kira status pekerjaan isteri. Namun, kegagalan mematuhi perintah nafkah masih berleluasa dan menjejaskan kebajikan isteri serta anak, di samping membebankan isteri untuk berulang-alik ke mahkamah.

Penguatkuasaan lazim dilakukan melalui perintah komital yang boleh membawa kepada pemenjaraan. Kes Sharifah Badriah bt Mari lwn. Yasran Hj Hussain dan Emilia Hanafi lwn. Datuk Wira SM Faisal bin Tan Sri SM Nasimuddin Kamal & Ors menunjukkan bahawa perintah komital berkuat kuasa sehingga menyebabkan hukuman penjara. Implikasi pemenjaraan ini serius kerana menjejaskan kehidupan, rekod pekerjaan dan perkhidmatan pihak terlibat, khususnya penjawat awam yang tertakluk kepada tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 1993).

Perintah komital merupakan penguatkuasaan *hard law* yang bersifat punitif, manakala notis amaran berunsur *cease and desist* berfungsi sebagai mekanisme *soft law* pada peringkat awal. Dalam undang-undang sivil, *cease and desist* digunakan sebagai notis awal sebelum tindakan mahkamah, namun pendekatan ini belum diperuntukkan secara khusus dalam Enakmen keluarga Islam di Malaysia. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada mekanisme tersebut wajar diperkenalkan bagi kes ingkar nafkah atau sekadar menambah beban prosedur kepada isteri dan anak.

Sehubungan itu, artikel ini menilai pandangan peguam syarie tentang keperluan memperkenalkan notis amaran berunsur *cease and desist* sebagai langkah pencegahan awal bagi membentuk pematuhan sebelum penguatkuasaan formal oleh Mahkamah Syariah, serta potensinya mengurangkan kebergantungan kepada perintah komital.

Sorotan Kajian

Sorotan kajian ini bertujuan menyokong keperluan penyelidikan mengenai penggunaan *cease and desist* dalam kes ingkar nafkah, berasaskan kajian kepustakaan daripada pelbagai sumber ilmiah (Ghazali, 2016).

Kajian Ian Freckelton (2020) menunjukkan bahawa dalam situasi krisis seperti pandemik COVID-19, surat amaran *cease and desist* berfungsi sebagai langkah awal yang berkesan untuk mencegah kemudaratan sebelum pendakwaan, khususnya bagi mengekang eksploitasi pihak terdedah. Dalam konteks Malaysia, Mahkamah Sivil turut menggunakan *cease and desist* sebagai arahan prosedural untuk mengekalkan status quo dan melindungi integriti prosiding, seperti yang ditunjukkan dalam keputusan Industrial Court (Wong Keat Ching & John Julian Van Huizen, 2025).

Walaupun konteks pandemik berbeza dengan kes nafkah, kedua-duanya berkongsi elemen eksploitasi kelemahan pihak terdedah. Perbezaan utama ialah Enakmen keluarga Islam di Malaysia masih bergantung kepada perintah komital selepas keingkaran berlaku, tanpa mekanisme amaran awal yang mapan. *Cease and desist* berpotensi berfungsi sebagai intervensi awal untuk menggalakkan pematuhan sebelum hukuman dikenakan.

Namun, Freckelton (2020) kurang membincangkan implikasi hak asasi, manakala Leah Chan Grinvald memberi amaran bahawa penggunaan *cease and desist* tanpa pengawasan institusi boleh menjadi alat paksaan, terutamanya terhadap pihak yang lemah (Wong Keat Ching & John Julian Van Huizen, 2025). Oleh itu, sebarang adaptasi dalam kes nafkah perlu disertai garis panduan dan kawalan institusi yang jelas.

Secara keseluruhan, sorotan ini menunjukkan bahawa prinsip *cease and desist* boleh disesuaikan sebagai instrumen pencegahan awal dalam penguatkuasaan nafkah, selaras dengan pendekatan perlindungan dan matlamat maqasid syariah untuk memelihara kebajikan keluarga.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti pengalaman dan pandangan responden secara mendalam. Data dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan kajian dokumen sebagai sokongan (Ghazali, 2021). Kajian melibatkan data primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama tiga orang peguam syarie menggunakan persampelan bertujuan, iaitu pemilihan informan yang paling relevan dengan objektif kajian (Babbie, 2010). Iadisebut juga sebagai *intentional sampling* atau *judgement sampling*. Ketiga-tiganya membawa maksud yang sama, iaitu sampel kajian dipilih berasaskan kepada pertimbangan penyelidik (Zul-kifli & Nurain Ab, 2022).

Data sekunder pula diperoleh daripada jurnal, buku, artikel, berita dan sumber atas talian bagi menyokong dapatan kajian. Analisis data dilakukan menggunakan analisis tematik yang melibatkan proses transkripsi, pembacaan, pengkodan dan pembentukan tema (Braun, 2006). Rakaman temu bual ditranskripsikan sepenuhnya dan dianalisis secara manual bagi mengenal pasti tema berkaitan keperluan *cease and desist* dalam kes enggan membayar nafkah, berdasarkan konteks dan bahasa yang digunakan oleh informan.

Bagi tujuan ketelusan dan kebolehkesanan data, petikan temu bual dirujuk menggunakan sistem kod informan. Kod seperti **IN1, 28/8/25, B1–2** merujuk kepada informan pertama (IN1), tarikh temu bual dijalankan (28 Ogos 2025), serta baris transkrip petikan yang digunakan (B1–2). Pendekatan ini bertujuan memudahkan pengesahan data dan menunjukkan jejak analisis yang sistematik.

Definisi Istilah

Nafkah

Nafkah ialah perbelanjaan wajib suami untuk menyara isteri dan tanggungan hidup, merangkumi keperluan asas seperti makanan dan sara hidup (Kamus Dewan, 2005). Dari sudut bahasa, nafkah berasal daripada *anfaqa* yang bermaksud membelanjakan harta (Ibn Manzur, 1990). Dari segi istilah, ia merujuk kepada perbelanjaan wajib bagi memenuhi keperluan isteri, anak dan ibu bapa mengikut kemampuan (al-Kasani, 1968).

Perintah Komital

Perintah komital ialah mekanisme penguatkuasaan terhadap pihak yang ingkar perintah mahkamah, khususnya dalam kes nafkah dan hak penjagaan, yang boleh membawa kepada pemenjaraan (Haifa Halim, 2025). Ia dilaksanakan melalui peruntukan seperti Seksyen 151 dan 181 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 yang memberi kuasa punitif kepada mahkamah (Mohamad Omar Mansu & Zaini Nasohah, 2025).

Konsep Cease and Desist

Menurut Cambridge University (2026), *cease and desist* ditakrifkan sebagai “*to stop doing something, such as operating a business, because of a legal order or because of the threat of legal action*”. ialah perintah atau amaran undang-undang untuk menghentikan sesuatu perbuatan kerana perintah sedia ada atau ancaman tindakan undang-undang. Ia berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal untuk menghalang kemudaratan atau pelanggaran hak.

Soft Law dan Hard Law dalam Mahkamah Syariah

Soft law merujuk kepada instrumen tidak mengikat seperti garis panduan dan notis, manakala *hard law* ialah peraturan mengikat yang boleh dikuatkuasakan. Dalam Mahkamah Syariah, *soft law* seperti *cease and desist* melengkapi *hard law* seperti perintah komital dengan menyediakan ruang pematuhan awal sebelum tindakan punitif (Qin et al., 2026). Pendekatan pelengkap ini meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan tanpa menjejaskan kepastian undang-undang (Briamonte & Scarpato, 2025).

Perbezaan Perintah Komital dan Cease and Desist

Perintah komital ialah hukuman mahkamah yang mengikat dan punitif dengan kesan segera, tetapi prosesnya rumit, mahal dan berisiko menjejaskan hubungan keluarga. *Cease and desist* pula ialah amaran awal yang tidak mengikat, lebih fleksibel, cepat dan menjimatkan kos, serta memberi peluang pematuhan sukarela. Namun, keberkesanannya bergantung kepada kesediaan pihak untuk mematuhi dan memerlukan tindakan lanjut jika diingkari.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini membentangkan dapatan temu bual separa berstruktur bersama tiga orang peguam syarie dan sivil berpengalaman yang dipilih secara persampelan bertujuan. Latar belakang profesional informan membolehkan analisis kritikal dibuat terhadap isu penguatkuasaan nafkah dari sudut amalan, cabaran dan implikasi undang-undang sebenar.

Dapatan menunjukkan kesepakatan bahawa notis amaran berunsur *cease and desist* wajar digunakan sebagai langkah awal sebelum perintah komital, khususnya bagi memberi peluang pematuhan kepada pihak ingkar termasuk penjawat awam. Tiga tema utama dikenal pasti, iaitu alternatif kepada perintah komital, keberkesanan dan limitasi notis amaran, serta implikasi sosial dan profesional perintah komital.

Alternatif kepada Perintah Komital.

Para informan menegaskan bahawa perintah komital ialah langkah terakhir kerana pemenjaraan memberi kesan serius terhadap kehidupan dan kerjaya. Notis amaran berkonsep *cease and desist* dilihat sebagai alternatif lebih berperikemanusiaan yang memberi peluang pembetulan sebelum hukuman dikenakan (IN1, 4/9/25, B25–27). Walaupun tidak mengikat secara undang-undang, notis ini boleh menjadi bukti usaha awal pemohon sebelum memohon komital (IN2, 9/9/25, B108–110; B114–117; IN3, 10/9/25, B260–263).

Keberkesanan dan Limitasi Notis Amaran.

Notis amaran berfungsi memberi ruang pematuhan sukarela dan mendidik pihak ingkar tentang kewajipan nafkah (IN2, 9/9/25, B25–27). Namun, keberkesanannya bergantung kepada sikap penerima. Ada yang patuh selepas menerima notis, manakala sebahagian hanya bertindak selepas waran tangkap dikeluarkan (IN2, 9/9/25, B140–142; IN3, 10/9/25, B279–280). Oleh itu, notis amaran tergolong sebagai *soft law* yang berfungsi sebagai bukti langkah awal, dipengaruhi faktor psikologi seperti takut, maruah dan reputasi.

Implikasi Sosial dan Profesional Perintah Komital.

Pemenjaraan walaupun singkat boleh membawa kesan jangka panjang terhadap status sosial dan kerjaya, khususnya penjawat awam dan ahli politik yang tertakluk kepada tindakan tatatertib (IN3, 10/9/25, B224–226). Rekod penjara menimbulkan stigma sosial dan tekanan psikologi, walaupun kes berpunca daripada kegagalan nafkah dan bukan jenayah berat.

Berdasarkan ketiga-tiga tema, kajian menegaskan keperluan pendekatan seimbang antara pematuhan undang-undang dan pertimbangan kemanusiaan. Notis *cease and desist* berperanan sebagai langkah awal yang memberi peluang pematuhan tanpa ancaman pemenjaraan, manakala perintah komital kekal sebagai mekanisme terakhir.

Keperluan Cease and Desist.

Analisis temu bual menunjukkan notis *cease and desist* lebih berperikemanusiaan, mengurangkan konflik dan memberi perlindungan awal kepada isteri serta anak. Keperluan ini sejajar dengan kewajipan nafkah menurut syarak, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2:233. Pendekatan ini juga selaras dengan kaedah fiqh *sadd al-zarā'i* yang menekankan pencegahan kemudaratan sebelum berlaku.

Walaupun tiada peruntukan khusus dalam undang-undang keluarga Islam, konsep ini selari dengan amalan sivil melalui surat amaran awal. Informan mencadangkan syarat pelaksanaan seperti rujukan jelas kepada perintah mahkamah, perincian tunggakan, tempoh munasabah pematuhan antara 14 hingga 30 hari, serta peringatan tindakan komital jika ingkar (IN2, 9/9/25, B92–98; IN3, 10/9/25, B300–307). Bukti penyerahan notis juga perlu direkodkan.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa notis amaran berunsur *cease and desist* berfungsi sebagai mekanisme sokongan yang melengkapkan penguatkuasaan, menyeimbangkan keadilan kedua-dua pihak, mengurangkan konflik kekeluargaan dan meningkatkan keberkesanan undang-undang keluarga Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mekanisme notis amaran berunsur *cease and desist* wajar difahami sebagai pelengkap kepada penguatkuasaan *hard law* melalui perintah komital, dan bukannya sebagai pengganti. Pendekatan ini membolehkan Mahkamah Syariah dan pengamal undang-undang menggalakkan pematuhan awal tanpa terus mencetuskan implikasi punitif yang berat. Dari sudut amalan, pengenalan *cease and desist* di peringkat firma guaman syarie berpotensi mengurangkan beban prosiding komital serta melindungi kebajikan isteri dan anak. Pada masa yang sama, artikel ini

menyumbang kepada perbincangan tentang penggunaan mekanisme *soft law* dalam penguatkuasaan undang-undang keluarga Islam di Malaysia secara lebih berperingkat dan berkesan.

Rujukan

- Malayan Banking Berhad v National Union of Bank Employees. (2025). *Award No. 1147 of 2025* (Industrial Court Malaysia).
- Burrows v Moore, Commissioner of Rangiora High School. (2016). *NZERA Christchurch* 93.
- Vidyut Metallics Pvt Ltd v Maharashtra Rajya Rashriya Kamgar Sangh and Others. (2008). *SCC Online Bom* 303.
- Industrial Relations Act 1967 (Act 177) (Malaysia).
- Interpretation Acts 1948 and 1967 (Act 388) (Malaysia).
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993) (Malaysia).
- Al-Kasani, A. (1968). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'* (Vol. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhaili, W. (2020). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Vol. 9). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Babbie, E. (2010). *The Practice of Social Research* (12th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on Reflexive Thematic Analysis. *Qualitative Research In Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589–597. <https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1628806>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>.
- Cambridge Dictionary. (2026, January 7). *Cease and Desist*. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/cease-and-desist> Cambridge Dictionary. (2026, January 7). *Cease and Desist*. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/cease-and-desist>.
- Zul-kifli, H., & Nurain Ab, H. (2022). Gerakan Ateis dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), Article 1. <http://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/83>.
- Haifa Halim. (2025). Wawancara dengan peguam syarie mengenai perintah komital [Temu bual tidak diterbitkan].
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab* (Vol. 10). Beirut: Dar Sadir.
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. (1993). *Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993* [P.U. (A) 395/1993]. Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara Malaysia.
- Leah Chan Grinvald. (2015). Policing the Cease and Desist Letter. *SSRN Electronic Journal*, 49(3). <https://doi.org/10.2139/ssrn.2515455>.
- Mohamad Omar Mansor, & Zaini Nasohah. (2025). Penjelasan perintah komital dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor 2003 [Artikel tidak diterbitkan].
- Qin, Y., Hu, J., & Su, K. (2026). Functions and optimization of soft law in the international governance of synthetic biology: The predicament of hard law vs. the rise of soft law. *Synthetic and Systems Biotechnology*, 12, 134–151. <https://doi.org/10.1016/j.synbio.2025.11.005>.

- Wahbah al-Zuhaili. (2020). *Al Fiqhul Islami W Adillata Complete* (3rd ed.). Dar Al-Fikr Al- Mouaser. <http://archive.org/details/al-fiqhul-islami-w-adillata-1-part-1>.
- Wong Keat Ching & John Julian Van Huizen. (2025, July 30). *Industrial Court Issues Cease and Desist Order to Preserve Integrity of Proceedings*. Zul Rafique & Partners. <https://www.zulrafique.com.my/ckfinder/userfiles/files/Article/Article-Industrial-Court-Issues-Cease-and-Desist-Order-to-Preserve-Integrity-of-Proceedings.pdf>.
- Zul-kifli, H., & Nurain Ab, H. (2022). Gerakan Ateis dalam Kerangka Tafsiran Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(1), Article 1. <http://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/83>.